

Headline **Tetap penjara 60 tahun**
Date **27 Sep 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **20**
Article Size **515 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **14,809**
PRValue **44,427**



Tetap penjara 60 tahun

Mahkamah Rayuan buat keputusan lelaki bersalah terhadap 22 tuduhan liwat tidak wajar dibebaskan



Headline **Tetap penjara 60 tahun**
 Date **27 Sep 2010**
 MediaTitle **Harian Metro**
 Section **Setempat**
 Journalist **N/A**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
 Page No **20**
 Article Size **515 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **14,809**
 PRValue **44,427**



BUKAN satu atau dua kesalahan, tetapi 22. Dan hukuman yang dijatuhkan pun bukan penjara setahun atau dua, tetapi 60 tahun serta 22 sebatan!

Tetapi apa yang 'menarik' bukan kesalahan atau hukuman dikenakan, tetapi hujah yang dibentangkan peguam untuk mendapatkan 'keadilan' buat anak guamnya.

Abd Rahim Abd Rahaman, 35, seorang pekerja kontrak, yang didakwa di dua Mahkamah Sesyen Shah Alam, mengaku bersalah terhadap 22 pertuduhan meliwat seorang pelajar lelaki tingkatan tiga yang didakwa 'kekasihnya.'

Semua kesalahan berkenaan berlaku antara 18 April 2007 dan 9 Mei 2007 bertempat di sebuah unit di Flat Bandaraya Jalan Mutiara, Gombak dengan kerelaan.

Pesalah yang berasal Kampung Gial Tengah, Mata Ayer, Kangar, Perlis didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun atau sebatan jika sabit kesalahan.

Perbuatan Abdul Rahim terbongkar apabila mangsa yang berusia 15 tahun memuat laporan polis mengadu 'kawannya' meliwatnya selepas dia diberikan 'sesuatu' yang mengkhayalkan.

Apabila fakta ini dibentangkan di mahkamah sewaktu prosiding, Abdul Rahim mengakuinya.

Malah, pemeriksaan perubahan menunjukkan terdapat kesan rekahan dan koyakan yang signifikan pada dubur mangsa akibat memasukkan benda tumput seperti alat sulit lelaki.

Di satu mahkamah, Abd Rahim mengaku bersalah terha-

dap 10 pertuduhan melakukan persetubuhan luar tabii terhadap mangsa pada 21, 22, 23, 27, 28, 29 April 2007 dan 3, 4, 5 dan 9 Mei 2007.

Di mahkamah satu lagi, lelaki berkenaan mengakui melakukan 12 kesalahan yang sama pada 18, 19, 20, 24, 25, 26 dan 30 April 2007 serta 1, 2, 6, 7 dan 8 Mei 2007.

Kedua-dua mahkamah itu memperhitungkan isu berikut sebelum menjatuhkan hukuman ke atas Abd Rahim.

Pertama, bilangan pertuduhan dikenakan yakni 22; kedua, hukuman penjara maksimum diperuntukkan undang-undang 20 tahun; ketiga, mangsa berusia kurang 15 tahun dan tidak tahu kesan perbuatannya; keempat, perbuatan diulangi hampir

setiap hari bermula dari 18 April 2007 hingga 9 Mei 2007; kelima, kepentingan umum apatah lagi dengan peningkatan kes seumpamanya di negara ini dan keenam, bahaya membenarkan Abd Rahim bergerak bebas di kalangan masyarakat, lebih-lebih lagi dia dianggap mendatangkan ancaman kepada remaja lelaki.

Bagi 12 pertuduhan pertama, Abd Rahim dijatuhi hukuman penjara lapan tahun dan satu sebatan bagi setiap pertuduhan dan ia berjalan serentak, tetapi berasingan mengikut fail kes.

Untuk baki 10 pertuduhan, dia, yang merupakan seorang penghidap HIV, dijatuhi hukuman penjara tujuh tahun dan satu sebatan bagi setiap pertuduhan dan ia berjalan serentak, tetapi berasingan mengikut fail kes.

Berdepan dengan hukuman penjara hampir enam dekad, Abd Rahim memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi Shah Alam memohon hukuman ke atasnya diringan dengan alasan dia sudah insaf terhadap kesalahannya dan mahu diberikan peluang kedua serta berjanji tidak akan mengulangi perbuatannya.

Pada hari rayuannya dide-

ngkhayalkan kepada mangsa, tetapi tidak menafikan kesalahan yang dilakukannya.

Memandangkan pengakuan bersalah tidak ditarik balik, Mahkamah Tinggi mengekalkan pensabitan dan hukuman terhadap Abd Rahim atas alasan kesalahan yang dilakukannya serius dan membabitkan mangsa amat muda serta

perbuatannya adalah penganiayaan seksual secara mutlak.

Abd Rahim kemudian memanjangkan rayuannya ke Mahkamah Rayuan. Empat alasan tambahan dikemukakan untuk perhatian panel tiga hakim yang diketuai Datuk Suriyadi Halim Omar.

Alasan pertama, Seksyen 377B Kanun Keseksaan bertentangan dengan Perkara 8 (1) dan (2) Perlembagaan Persekutuan; kedua, hukuman yang

dijatuhkan bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan apabila dibaca dengan Seksyen 289 Kanun Acara Jenayah; ketiga, hakim terkhilaf apabila mendakwa kesalahan seumpamanya meningkat di Malaysia dan keempat, keseluruhan hukuman yang dijatuhkan terlalu berat.

Seksyen 377B menyebut melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii atau liwat adalah satu kesalahan jenayah.

Manakala Perkara 8 (1) dan (2) Perlembagaan Persekutuan menyebut semua orang sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan sama rata di sisi undang-undang tanpa sebarang diskriminasi termasuk kerana faktor jantina.

Bagaimana kedua-duanya bertentangan? Peguam Fahri Azzat mewakili Abd Rahim tampil bersama seorang lagi peguam, Amer Hamzah Arshad berhujah pengamatan dengan jelas menunjukkan Seksyen 377B hanya terpakai untuk lelaki kerana merujuk seseorang memasukkan alat sulitnya ke dalam dubur atau mulut orang lain.

Katanya, tafsiran seksyen berkenaan terlalu sempit sehingga menyebabkan hanya lelaki yang boleh dikenakan pertuduhan sedangkan golongan wanita terselamat dan terlepas.

Katanya, golongan wanita tidak boleh dituduh melakukan persetubuhan di luar tabii sedangkan mereka boleh melakukannya.

"Nampaknya terdapat imuniti untuk golongan wanita terhadap salah satu undang-undang jenayah yang paling berat di Malaysia," katanya.

Beliau menyoal: "Jika seorang wanita menggunakan zakar palsu untuk meliwat lelaki, bukankah ia persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii?"

Katanya, hubungan homoseks tidak boleh dianggap jenayah kerana undang-undang tidak anggap hubungan lesbian sebagai jenayah.

Fahri juga berkata seksyen sama mencabul hak terhadap privasi yang diikrarkan dalam Perlembagaan Persekutuan kerana ia 'menjenayahkan' hubungan seks yang dilakukan dua orang dengan kerelaan.

Ini menyebabkan Suriyadi menyoal: "Adakah anda bermaksud hubungan seks antara dua lelaki dewasa atas kerelaan bukan jenayah? Dengan maksud lain, bukan urusan kerajaan untuk campur tangan terhadap apa yang berlaku di dalam kamar tidur?"

Peguam juga berhujah Seksyen 289 turut tidak adil kerana mengecualikan wanita daripada hukuman rotan, sebaliknya khusus untuk pesalah lelaki saja.

Menghalusi hujah dibentangkan, Suriyadi menolak rayuan Abd Rahim sambil menambah hukuman yang dijatuhkan terhadapnya tidak melampau atau berlawanan dengan mana-mana prinsip perundangan.

"Sebagai penghidap HIV dan mempunyai kecenderungan seksual tertentu, membiar dia bebas di kalangan remaja lelaki tidak akan membawa kebaikan kepada masyarakat. Kami berpuas hati bahawa hakim Mahkamah Sesyen dalam penghakimannya mengimbangi kepentingan umum dan kepentingan perayu (Abdul Rahim)," katanya yang menambah soal sama ada persetujuan diberikan atau sebaliknya apabila melakukan persetubuhan luar tabii itu tidak relevan ke-

Headline **Tetap penjara 60 tahun**
Date **27 Sep 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **20**
Article Size **515 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **14,809**
PRValue **44,427**

pada pendakwaan mengikut kaitan perlembagaan.”
Seksyen 377B.

Berhubung isu Perlembagaan Persekutuan yang dibangkitkan peguam, Suriyadi dalam penghakiman bertulis yang dikeluarkan baru-baru ini berkata: “Tanpa fakta sesuai menyokong persoalan berkaitan perlembagaan, apa yang diperhujahkan adalah kosong semata-mata.

“Apatah lagi, ini bukan kes atau platform yang sesuai untuk melayan persoalan ber-

>Penulis adalah wartawan **Harian Metro**



Sebagai penghidap HIV dan mempunyai kecenderungan seksual tertentu, membiar dia bebas di kalangan remaja lelaki tidak akan membawa kebaikan kepada masyarakat”

>Datuk Suriyadi Halim Omar
Hakim Mahkamah Rayuan